



# FAZAKKIR

e-Tazkirah | Bil. 18 | Jun 2022 - Zulkaedah 1443H

## AMANAH

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَخُوْنُوْا اللّٰهَ وَرَسُوْلَهٗ وَتَخُوْنُوْا اٰمَنٰتِكُمْ  
وَاَنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ ﴿٢٧﴾

*“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui.”*

[al-Anfaal: 27]

Secara umumnya, adil bermaksud berpihak atau berpegang kepada kebenaran. Amanah pula boleh diertikan dengan sesuatu yang dipercayakan kepada orang atau kepercayaan atau boleh dipercayai. Manakala integrity pula didefinidikan sebagai menjalankan tugas dan kewajipan dengan penuh tanggungjawab berpandukan peraturan dan undang-undang.

1. Menjadi orang yang memiliki sikap adil, amanah dan berintegriti itu sangatlah berat namun tidak mustahil.

2. Kesan andai hilangnya sifat adil, amanah dan integriti dalam diri dan kehidupan sebagaimana hadis yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud :

*“Apabila amanah disia-siakan, maka tunggulah saat kehancuran”* Seorang sahabat bertanya apakah yang dimaksudkan dengan kehancuran. Nabi SAW menjawab *“Apabila perkara itu diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah saat kehancurannya.”*

(HR Bukhari dan Muslim)

3. Orang yang memiliki sikap adil, amanah dan berintegriti adalah orang yang cemerlang dunia dan akhiratnya sebagaimana dalam Surah Al-Mukminun ayat 8.

*Dalam Pekerjaan*

Amanah dan Tanggungjawab dalam setiap pekerjaan atau tugas yang dilaksanakan walaupun tanpa pengawasan

iDART

## Tajwid Bersama UHA

### IDGHAM MUTAMATHILAIN

1. Apabila dua huruf yang semisal bertemu.
2. Dimasukkan lafaz huruf pertama ke dalam huruf kedua secara sempurna (kamil).
3. Ada sabdu pada huruf kedua.



رَبِّحْتَ بِجَارَتِهِمْ